# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) TAMAN CHENGAL, TEMERLOH, PAHANG

| | |
|---|---|
| Waktu Berkuatkuasa | **24 Jam** |
| Waktu Aktiviti Dibenarkan | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** |
| Pergerakan Penduduk | **Dibenarkan dengan bersyarat** |

## Aktiviti dibenarkan

- Seorang **(1)** wakil dari setiap rumah membeli barangan keperluan; &
- Perkhidmatan perlu (*Essential Services*).

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM,
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342,
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM,
- Arahan dan peraturan di bawah PBT &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawasan yang terlibat** | Taman Chengal |
| **Tempoh Berkuatkuasa** | 18 Julai 2021, jam 12.01 pagi sehingga 31 Julai 2021, jam 11.59 malam. |
| **Kawalan Pergerakan** | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM dan RELA yang diturunkan kuasa di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988).<br>• Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD **DITUTUP.**<br>• Pengecualian hanya diberikan kepada **seorang (1) wakil isi rumah** untuk mendapatkan **bekalan makanan, ubat, penokok diet dan keperluan asas** dalam radius tidak melebihi 10 km dari kediamannya atau tempat paling hampir dengan kediamannya sekiranya bekalan keperluan tersebut tiada dalam radius 10 km dari kediamannya.<br>• Tiada sebarang pergerakan tidak perlu di luar kawasan kediaman selepas jam 8.00 malam kecuali bagi kes-kes kecemasan atau mendapat kebenaran PDRM. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM berdasarkan *case to case basis.*<br>• KKM akan melaksanakan saringan bersasar kepada penduduk yang telah dikenalpasti. |

# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) TAMAN CHENGAL, TEMERLOH, PAHANG

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Seorang **(1)** wakil dari setiap rumah membeli barangan keperluan; &
- Perkhidmatan perlu (*Essential Services*).

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM,
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342,
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM,
- Arahan dan peraturan di bawah PBT &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawalan Pergerakan** | • Semua penduduk di kawasan PKPD ini **tidak dibenarkan** keluar dari rumah masing- masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi **perkhidmatan perlu (*essential services*) yang** terdiri daripada pihak **Keselamatan dan Kesihatan** sahaja.<br>• **Penduduk selain daripada perkhidmatan perlu tidak dibenarkan keluar dari kawasan PKPD.** Majikan hendaklah mematuhi perintah ini dan membenarkan pekerja bercuti atau bekerja dari rumah *(work from home).* |
| **Aktiviti di dalam Kawasan PKPD** | • Surau dibenarkan untuk azan dan solat berjemaah dengan kehadiran tiga (3) orang pegawai surau sahaja dengan tambahan seorang AJK tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri. Walau bagaimanapun, pengoperasian ini tetap tertakluk sekiranya ada arahan penutupan daripada KKM.<br>• Sambutan perayaan Hari Raya Aidiladha (solat sunat dan ibadah korban) adalah tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri.<br>• Semua sekolah, tadika dan taska adalah **TIDAK DIBENARKAN** beroperasi sepanjang tempoh PKPD ini.<br>• Bantuan Bekalan Makanan Kering akan diberikan kepada isi rumah yang **BERKELAYAKAN** dan yang **MEMAKAI GELANG SAHAJA** dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri Pahang yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Daerah. |